

Sedar puasa turut jaga akhlak, bantu golongan fakir miskin



BANTU MASYARAKAT: Cik Jasmine Lam Xin Hui telah bekerja selama empat tahun di 4PM dan terlibat dalam perancangan projek amal tahunan, *Ramadan On Wheels*. – Foto BM oleh SYAMIL SAPARI

► **NURMAYA ALIAS**
nurmayaa@sph.com.sg

APABILA Cik Jasmine Lam Xin Hui, 27 tahun, seorang pengurus kes, baru menyertai Persatuan Persuratan Pemuda Melayu (4PM), beliau terkenang dirinya berasa sedih dan terkejut semasa membuat kunjungan ke rumah-rumah benefisiari persatuan itu.

“Ia satu pengalaman membuka mata kerana ia buat saya sedar tentang kehidupan orang susah di Singapura,” kata Cik Lam.

Pengalaman tersebut mendorongnya terus bekerja di persatuan itu selama empat tahun kerana beliau percaya program dan projek 4PM memberi manfaat kepada masyarakat.

Apatah lagi semasa Ramadan, Cik Lam turut terlibat dalam perancangan projek amal tahunan, *Ramadan On Wheels* (ROW).

Tahun ini, ROW 2018 menjalankan beberapa acara termasuk ‘Karnival Pendekatan Keluarga’ yang diadakan pada 21 April lalu; bengkel motivasi, kesihatan dan masa depan; pemberian hamper dan baucar Ramadan; dan ubah elok rumah bagi beberapa penerima bantuan terpilih.

Seramai 350 penerima bantuan meraih manfaat daripada ROW 2018.

Sebuah buku resipi, *Spice of Life*, atau *Rencah Kehidupan*, dengan sumbangan resipi daripada penerima bantuan turut dilancarkan.

Ini merupakan tahun ke-18 ROW diadakan. “Sebelum saya bekerja di 4PM, saya tidak aktif dalam kerja sosial dan kemasyarakatan. Tugas saya kini memberi saya kepuasan,” kata Cik Lam.

Antara tugasnya di 4PM termasuk memberi kaunseling kepada golongan belia.

Beliau meraih ijazah sarjana muda sains dengan pengkhususan dalam jurusan psikologi daripada Universiti Wollongong di SIM Global Education.

Bekerja di sebuah persatuan Melayu/Islam meningkatkan pemahaman Cik Lam tentang budaya masyarakat Melayu.

“Misalnya, semasa di sekolah dahulu, saya tahu kawan-kawan Muslim saya perlu sembahyang dan berpuasa. Tetapi, saya mula faham apabila mereka mengerjakan solat dan kenapa mereka berpuasa setelah saya bekerja di sini,” kata Cik Lam.

Malah, beliau pernah cuba berpuasa dan memastikan tidak makan atau minum di pejabat 4PM semasa Ramadan.

Lantas, beliau kini sedar bahawa berpuasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga bahkan turut menjaga akhlak serta membantu golongan fakir miskin.

“Saya gembira 4PM dapat membantu golongan memerlukan, terutama dalam bulan Ramadan ini,” ujar Cik Lam.